

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

SOALAN NO. 205

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pengguna yang telah menggunakan *Electric Train Service* (ETS) sejak ianya diwujudkan dan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menambah koc-koc tambahan pada masa akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan ETS di negara ini telah dimulakan sejak tahun 2010 dan sehingga Februari 2019 sebanyak 19,864,526 pengguna telah menikmati perkhidmatan ini. Kini perkhidmatan ETS menyediakan 36 perkhidmatan sehari yang beroperasi di sektor Gemas – Butterworth – Padang Besar dengan purata penumpang sehari sebanyak 11,300 orang.
2. Pada masa ini KTMB memiliki 15 set ETS yang aktif untuk tujuan operasi. Jumlah set ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan ETS di seluruh negara. Sehubungan itu, bagi menampung kekurangan set-set ETS sedia ada, Kerajaan telah meluluskan pembelian 19 tambahan ETS baru yang masing-masing dijangka tiba pada September 2019 (9 set) dan Disember 2022 (10 set).

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

Statistik bilangan penumpang Perkhidmatan ETS bagi sektor Gemas – Padang Besar bagi tahun 2010 hingga Februari 2019 yang telah direkodkan adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Statistik Penumpang ETS (2010 – Februari 2019)

| Tahun | Jumlah Penumpang |
|---------------------------|-------------------------|
| 2010 | 214,568 |
| 2011 | 911,981 |
| 2012 | 1,180,104 |
| 2013 | 1,562,766 |
| 2014 | 1,691,757 |
| 2015 | 2,059,828 |
| 2016 | 3,564,879 |
| 2017 | 4,147,634 |
| 2018 | 3,933,093 |
| 2019 (Hingga Feb 2019) | 597,916 |
| Jumlah | 19,864,526 |

NO. SOALAN: 205

Pada masa ini, KTMB menyediakan 36 Perkhidmatan ETS sehari di seluruh rangkaian landasan berkembar elektrik antara Gemas dan Padang Besar seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 : Jadual Kekerapan Perkhidmatan ETS sehari

| Laluan | Bil. Perkhidmatan Sehari |
|---------------------------|---------------------------------|
| KL Sentral – Ipoh | 16 |
| KL Sentral – Butterworth | 8 |
| KL Sentral – Padang Besar | 8 |
| Gemas – Butterworth | 2 |
| Gemas – Padang Besar | 2 |
| Jumlah | 36 |